



**JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL
NEGERI SELANGOR
KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA**

IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN

1. BUTIRAN JAWATAN

- 1.1 Jawatan** : **PEMBANTU PEMBANGUNAN MASYARAKAT**
1.2 Gred Jawatan : S19
1.3 Kumpulan : Sosial
Perkidmatan
1.4 Taraf Jawatan : Kontrak
1.5 Agensi : Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi
Nasional Negeri Selangor
1.6 Bilangan Kekosongan : **Satu (1) kekosongan**
1.7 Tempat Kekosongan : Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
Negeri Selangor

- 2. JADUAL GAJI** : RM 1,352.00 - RM 4,003.00 (Min – Maks)

- 3. ELAUN** : Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) RM300.00
Imbuhan Tetap Khidmat Awam (ITKA) RM115.00
Bantuan Imbuhan Sara Hidup (BISH) RM200-RM350
(mengikut kawasan)

4. SYARAT LANTIKAN :

4.1 Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- 4.1.1 Warganegara Malaysia dan berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
4.1.2 Calon bagi lantikan hendaklah lulus **dua (2)** mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu di peringkat **Kepujian (C)** dan **empat (4)** mata pelajaran lain di peringkat **Lulus** dalam satu peperiksaan SPM; atau
4.1.3 **Dua (2)** mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu di peringkat **Kepujian** dan **empat (4)** mata pelajaran lain di peringkat **Lulus** yang dikumpulkan dalam dua peperiksaan SPM dalam **tempoh tiga (3) tahun berturut-turut**.

4.2 Keutamaan kepada:-

- 4.2.1 Berkebolehan komunikasi yang berkesan
4.2.1 Berkemahiran dalam perisian komputer yang berkaitan dengan pengurusan dan pentadbiran pejabat
4.2.3 Berkebolehan dalam pengurusan acara
4.2.4 Berkebolehan bersosial mengikut keadaan dan keperluan
4.2.5 Boleh berdamping dengan masyarakat

5. DESKRIPSI TUGAS :

Mengawal selia pengoperasian Kawasan Rukun Tetangga (KRT) dan cawangan-cawangannya, Skim Rondaan Sukarela (SRS), mengendalikan mesyuarat berkaitan KRT/SRS, memproses dan mengumpul maklumat serta menyediakan pelaporan, menyelia pengoperasian Tabika Perpaduan dan Taska Genius Perpaduan. Menguruskan pelaksanaan program dan acara, pengesanan isu-isu perpaduan, menjalinkan kerjasama bersama agensi kerajaan, NGO, serta swasta. Membuat pemantauan Rumah Ibadat Selain Islam (RISI) dan lain-lain tugas tertakluk kepada arahan dari masa ke semasa.

6. CARA MEMOHON :

- 6.1 Permohonan hendaklah dibuat dengan mengisi **BORANG PERAKUAN PELANTIKAN PEGAWAI KONTRAK JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL, KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA** yang boleh didapati di Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri Selangor atau memuat turun borang di <https://www.jpnn.gov.my>
- 6.2 Permohonan daripada Pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat hendaklah dikemukakan melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Peraturan 17 Bab 'A' Lantikan Dan Kenaikan Pangkat 2005.
- 6.3 Borang Permohonan lengkap hendaklah disertakan gambar terkini (berukuran passport), salinan Mykad, salinan Sijil Kelahiran, salinan Sijil Berhenti Sekolah, salinan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), salinan Sijil Digital Vaksinasi Covid -19 serta dokumen-dokumen sokongan yang mana berkaitan.

Borang permohonan perlu dihantar ke alamat seperti berikut:

**PENGARAH
JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL
NEGERI SELANGOR
TINGKAT 9, WISMA PKPS
PERSIARAN PERBANDARAN, SEKSYEN 14
40517 SHAH ALAM**

7. TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 30 November 2022 (Rabu)

8. JEMPUTAN TEMUDUGA :

- 8.1 Permohonan yang : (i) tidak lengkap / tidak jelas (ii) tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan, (iii) tidak disertakan dengan dokumen-dokumen yang diperlukan, (iv) tidak ditandatangani dan (v) tidak mengikut perintah Am bab 'A' 21 bagi calon-calon yang sedang berkhidmat **akan ditolak**.
- 8.2 Hanya calon yang berkelayakan dan memenuhi syarat tapisan akan dipanggil untuk menghadiri temu duga. Pemohon yang tidak dihubungi selepas enam (6) bulan dari tarikh iklan ini ditutup hendaklah menganggap permohonannya tidak berjaya.
- 8.3 Segala perbelanjaan menghadiri temu duga adalah tanggungjawab sendiri dan Jabatan tidak akan melayan sebarang tuntutan.